

## PENGAPLIKASIAN WAKAF AHLI BERTEMPOH (*MUAQQAT*) SEBAGAI MEKANISME MEMAKMURKAN AMALAN WAKAF DI MALAYSIA.

Muhammad Ainul Hakim bin Muhammad Khalil<sup>i</sup>, Muhamad Firdaus Ab Rahman<sup>ii</sup>, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi<sup>iii</sup>, Azman Ab. Rahman<sup>iv</sup>

<sup>i</sup> (Penulis koresponden) Calon Master Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. [ainulhakim9665@gmail.com](mailto:ainulhakim9665@gmail.com)

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang & Penyelaras, Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia 71800 Nilai, Negeri Sembilan. [mfirdaus.rahman@usim.edu.my](mailto:mfirdaus.rahman@usim.edu.my)

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. [husein@usim.edu.my](mailto:husein@usim.edu.my)

<sup>iv</sup> Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan. [azman@usim.edu.my](mailto:azman@usim.edu.my)

### Abstrak

*Wakaf ahli merupakan salah satu jenis wakaf yang mana manfaatnya disalurkan kepada ahli keluarga, individu tertentu, atau kepada pewakaf itu sendiri. Amalan wakaf ahli ini telah diaplikasikan sejak dari zaman Rasulullah S.A.W dan dapat dilihat melalui perbuatan para sahabat R.A serta umat Islam sehingga ke hari ini. Perundangan yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam di Malaysia termasuk wakaf adalah berpandukan kepada pendapat muktamad mazhab Shafii'iy kecuali negeri Perlis, yang memberi maksud wakaf hanya sah dilaksanakan secara kekal termasuk wakaf ahli. Hal ini telah memberikan kesan kepada pengurusan dan usaha pembangunan harta wakaf ahli di masa akan datang. Justeru, kajian ini dijalankan untuk memperkenalkan wakaf ahli bertempoh sebagai salah satu metode penyelesaian terhadap beberapa konflik dalam pengurusan dan pembangunan harta wakaf di Malaysia untuk masa yang akan datang. Pengkaji mengaplikasikan metode kualitatif dan penelitian doktrinal di dalam kajian ini. Data di dalam kajian ini diperolehi melalui teknik kajian dokumen dari sumber primer dan skunder serta dianalisis menggunakan kaedah analisa kandungan dengan pendekatan induktif dan deduktif. Natijah kajian ini menunjukkan bahawa wakaf dzurri secara bertempoh mampu meningkatkan produktiviti harta wakaf tersebut serta dapat mengembangkan manfaatnya dengan lebih luas dan sistematik. Pengkaji juga menyarankan agar pihak Majlis Agama Islam Negeri menyemak semula kerangka undang-undang yang berkaitan dengan hal ehwal wakaf ahli sedia ada agar dapat dilaksanakan secara bertempoh pula sebagai usaha untuk melestarikan amalan wakaf sekaligus menambah baik pengurusan wakaf ahli di Malaysia.*

Kata kunci: *Wakaf Ahli, Wakaf Bertempoh, Majlis Agama Islam Negeri, Malaysia.*

### PENDAHULUAN

Amalan bersedekah merupakan satu amalan yang sangat dituntut dalam Islam. Antara amalan bersedekah yang sangat dituntut untuk dilakukan ialah amalan wakaf. Hal ini dapat dilihat daripada perbuatan para sahabat R.A dan juga saranan daripada baginda Rasulullah S.A.W berdasarkan hadith-hadith yang direkodkan oleh para 'ulama' yang terdahulu. Saidina Jabir R.A mengatakan bahawa tiada para sahabat R.A

yang meninggal dunia melainkan semua harta yang mereka miliki diwakafkan di jalan Allah S.W.T (Al-Zuhaili, 1984). Pada perbincangan jenis penerima wakaf, para fuqaha' telah membahagikan kepada dua kategori iaitu wakaf khairi dan wakaf ahli (Al-Shirbini, 1997; Al-Zuhaili, 1997; Sabri, 2011). Begitu juga dengan pengaplikasian wakaf dari sudut tempoh, para fuqaha' telah membahagikan kepada dua kategori iaitu wakaf secara kekal (*al-ta'bid*) dan secara bertempoh (*al-ta'qit*) (Muhamad Firdaus, 2017; Qahf, 2000).

Di Malaysia, pengurusan dan pentadbiran hal ehwal agama Islam termasuk wakaf adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri seperti yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Majoriti negeri di Malaysia kecuali negeri Perlis berpandukan kepada mazhab Shafi'iy dalam perundangan yang berkaitan hal ehwal Islam termasuk wakaf. Hal ini boleh disemak dalam Akta atau Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Sebagai contohnya, Seksyen 54 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan Seksyen 43 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 menyatakan bahawa Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengikut pendapat muktamad mazhab Shafi'iy di dalam mengeluarkan apa-apa fatwa. Menurut mazhab Shafi'iy semua bentuk wakaf hanya sah jika dilaksanakan secara berkekalan termasuk wakaf ahli (Al-Nawawi, 2008; Al-Shirbini, 1997). Jika pewakaf melaksanakan untuk suatu tempoh yang tertentu, maka wakaf tersebut adalah terbatal dan tidak sah. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa negeri yang membenarkan pelaksanaan wakaf secara bertempoh seperti Johor, Wilayah Persekutuan, Terengganu, dan Sarawak seperti yang termaktub dalam perundangan negeri tersebut. Hal ini disebabkan sifat wakaf bertempoh ini lebih fleksibel dan mempunyai kelebihan yang tidak didapati dalam sistem wakaf secara kekal (Ab Rahman & Amanullah, 2017; Qahf, 1999). Suhaimi (2018) menyatakan dalam kajiannya bahawa wakaf ahli di Malaysia perlu diperbaharui dan ditambah baik dari sudut pengurusan dan peruntukan undang-undang.

Justeru, pengkaji akan menerangkan konsep wakaf ahli secara bertempoh menurut pandangan fuqaha' dengan terperinci dalam kajian ini. Seterusnya, pengkaji akan membincangkan berkenaan pengaplikasian wakaf ahli yang sedia ada di Malaysia serta menerangkan potensi wakaf ahli secara bertempoh dalam melestarikan amalan wakaf di Malaysia.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Dalam kajian ini, pengkaji mengaplikasikan metod kajian kualitatif dan metod kajian doktrin. Metod kajian kualitatif boleh merujuk kepada satu kaedah pengertian yang luas untuk kajian yang menghasilkan data deskriptif yang terhasil daripada kenyataan sesuatu individu sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan, pemerhatian kepada sifat serta tingkah lakunya (Taylor, Bogdan, & DeVault, 2016). Saldana (2011)

menyatakan bahawa kajian kualitatif ini adalah satu pendekatan untuk mengkaji satu fenomena terhadap kehidupan sosial semula jadi. Kenyataan ini bermaksud bahawa kaedah ini digunakan untuk menilai karya intelektual yang dihasilkan oleh tokoh-tokoh akademik dan para cendekiawan, sama ada dalam bentuk penulisan atau rakaman suara.

Manakala kajian penyelidikan doktrin pula boleh didefinisikan sebagai satu sintesis berdasarkan daripada pelbagai undang-undang, prinsip, budaya, dan garis panduan (Hutchinson & Duncan, 2012). Definisi ini menunjukkan bahawa kaedah penyelidikan doktrin digunakan untuk menyelidiki kerangka undang-undang terhadap sesuatu perkara dengan tujuan untuk menghasilkan kefahaman yang jitu akan pengaplikasiannya pada kelompok masyarakat yang tertentu. Justeru, pengkaji menerapkan kaedah kajian kualitatif dan penyelidikan doktrinal dalam kajian ini adalah untuk mengkaji dokumen bertulis daripada para fuqaha' yang terdahulu berkenaan wakaf ahli bertempoh, serta pengaplikasiannya di dalam Enakmen/Akta Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Enakmen Wakaf Negeri di Malaysia.

Kaedah kajian dokumentari telah diadaptasikan dalam kajian ini dengan tujuan untuk mendapatkan serta mengumpulkan data melalui dokumen-dokumen, kajian lepas, dan terbitan rakaman (Neely & Ponshumugam, 2019). Pengkaji telah mengkaji sumber primer iaitu *hadith* Rasulullah S.A.W, Enakmen/Akta Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Enakmen Wakaf Negeri dalam kajian ini. Ia dianggap sebagai sumber primer kerana ianya merupakan adalah muktamad serta sumber asas dan asal. Manakala sumber sekunder pula terdiri daripada jurnal artikel, buku-buku fiqh tradisional dan kontemporari, dan dokumen bertulis yang berkaitan dengan tema kajian ini.

Maklumat dan data dalam kajian ini dianalisa menggunakan metod analisis kandungan. Menurut Lac (2016), tujuan utama kaedah ini diadaptasikan dalam kajian adalah untuk mengklasifikasi, menilai, dan mengkaji semua data secara sistematik dan bersasar. Pengkaji menggunakan kaedah ini untuk menganalisa semua data yang diperolehi daripada sumber primer dan sekunder. Memandangkan penyelidikan ini bersifat kualitatif, maka semua data yang diperolehi akan dianalisa melalui kaedah induktif dan deduktif. Dengan kaedah ini, pengkaji dapat menyusun serta mengklasifikasikan data dengan cara yang sistematik.

Selain itu, pengkaji juga mengaplikasikan kaedah analisa hermeneutik di dalam kajian ini. Kaedah analisa ini boleh difahami sebagai terjemahan atau penafsiran manuskrip purba atau ayat-ayat suci daripada kitab suci (Batista, Mocosky, & Mondini, 2019; Gerbaudo, 2016). Paterson dan Higgs (2005) menyatakan bahawa tujuan utama pengaplikasian kaedah ini adalah untuk mentafsirkan sesuatu terma atau perkataan yang tertentu serta dokumen primer. Kaedah ini diaplikasikan di

dalam kajian ini untuk menterjemah serta mentafsirkan beberapa perkataan secara mendalam dengan merujuk kepada beberapa kitab fiqh yang muktabar untuk memperolehi tafsiran yang tepat dan sempurna.

## HASIL KAJIAN

### Definisi Wakaf

Perkataan wakaf ialah kata pinjaman daripada Bahasa Arab iaitu *al-waqf* yang merupakan kata terbitan (*maṣḍar*) bagi kalimah *waqafa* (Ibrahim, Muntasir, Atiyyah, & Muhammad, 2004). Dari sudut bahasa, wakaf atau *al-waqf* boleh didefinisikan sebagai menahan, berhenti, dan menghalang (Abbasi, 2012; Abd Al-Rauf, 1990). Berdasarkan daripada definisi wakaf dari sudut bahasa ini, pengkaji berpandangan bahawa wakaf mempunyai pelbagai maksud dan ianya bergantung pada penggunaannya mengikut konteks ayat. Walau bagaimanapun, para fuqaha' bersepakat maksud wakaf dari sudut bahasa ialah menahan atau juga dikenali sebagai *al-ḥabs* (Al-Jurjani, 1982; Al-Zuhaili, 1984; Nazih Hammad, 2008). Pentakrifan yang dipilih oleh para fuqaha' ini bersesuaian dengan sabda Rasulullah S.A.W iaitu:

{إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا، وَتَصَدَّقْتَ بِهَا}

Terjemahan: "Jika kamu mahu (*wahai 'Umar*), tahanlah (*wakafkanlah*) tanah itu dan sedekahkanlah manfaatnya."

(Hadith. Al-Bukhāri. Kitab Al-Waṣāyā. Bab Al-Waqf Kaifa Yuktab. Jil 10: #2587)

Dalil daripada hadith yang dikemukakan ini juga merupakan dalil yang menunjukkan bahawa wakaf ini sesuatu disyariatkan di dalam Islam.

Definisi wakaf dari sudut istilah pula, para fuqaha' mempunyai pentakrifan yang berbeza. Mazhab Hanafi mempunyai dua definisi yang berbeza. Abu Hanifah mendefinisikan wakaf sebagai menahan sesuatu harta dengan dikekalkan pemilikan pewakaf terhadap harta tersebut, manakala manfaat daripada harta tersebut disedekahkan kepada golongan yang memerlukan walaupun dengan kuantiti yang sedikit. Qaḍi Abu Yusuf dan Imam Muhammad Al-Shaiban pula mentakrifkan wakaf sebagai menahan sesuatu harta serta dihukumkan harta tersebut sebagai milik Allah S.W.T, dan manfaat daripada harta tersebut disedekahkan kepada golongan yang memerlukan berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh pewakaf. Berdasarkan kepada kedua-dua definisi ini, pengkaji mendapati bahawa Imam Abu Hanifah berbeza pendapat dengan *Ṣāhibain* pada status pemilikan harta yang telah diwakafkan. Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa harta yang telah diwakafkan kekal menjadi milik pewakaf, manakala Qaḍi Abu Yusuf dan Imam Muhammad Al-Shaiban berpendapat

bahawa harta wakaf tidak lagi menjadi milik pewakaf bahkan ia menjadi milik Allah S.W.T.

Takrif wakaf di sisi mazhab Maliki pula, Al-Dardir (2007) merekodkan bahawa Ibn °Abd Al-Salām mendefinisikan wakaf sebagai mendedekahkan manfaat atau hasil daripada harta yang dimiliki walaupun melalui sewaan kepada golongan yang berhak, berdasarkan tempoh yang dikehendaki oleh pewakaf di dalam *ṣighah*. Berdasarkan daripada definisi ini, pengkaji mendapati bahawa mazhab Maliki membenarkan pewakaf mewakafkan manfaat daripada harta yang dimiliki, mewakafkan hasil daripada harta yang dimiliki, dan mewakafkan manfaat harta yang dimiliki dengan sewaan.

Mazhab Shāfi'iy mendefinisikan wakaf sebagai menahan sesuatu harta serta boleh dimanfaatkan secara kekal, dengan menggugurkan hak pemilikan dan pengurusan harta itu daripada pewakaf untuk diberikan pada golongan yang diharuskan dan wujud, bertujuan untuk mendekati diri kepada Allah S.W.T (Al-Shirbini, 2019). Al-Baghawi (1998) pula mendefinisikan wakaf sebagai menahan sesuatu harta yang tertentu daripada harta-harta yang dimiliki serta memutuskan hak pemilikan pewakaf ke atas harta tersebut, dan diberikan manfaat harta tersebut untuk tujuan yang baik dan mendekati diri kepada Allah S.W.T. Berdasarkan daripada definisi yang dikemukakan, pengkaji mendapati bahawa hak pemilikan terhadap harta wakaf itu akan terputus daripada pewakaf dan menjadi milik Allah S.W.T. Maka, pengkaji menyimpulkan bahawa mazhab Shāfi'iy hanya membenarkan wakaf itu dilakukan secara kekal.

Mazhab Hanbali pula mendefinisikan wakaf sebagai menahan sesuatu harta atau aset dan mendedekahkan manfaat harta tersebut (Ibn Qudamah, 2005). Al-Mardawi (1955) pula menyatakan wakaf ialah menahan sesuatu harta yang dimiliki secara penuh yang boleh dimanfaatkan secara kekal, dengan memutuskan hak pemilikan harta itu daripada pewakaf dan selainnya, dan memberikan manfaat atau hasil harta itu untuk perkara kebaikan dengan tujuan mendekati diri kepada Allah S.W.T. Berdasarkan kepada takrifan ini, pengkaji mendapati bahawa definisi wakaf yang diaplikasikan di dalam mazhab Hanbali mempunyai maksud yang hampir sama dengan mazhab Shāfi'iy. Berdasarkan daripada takrifan wakaf daripada empat mazhab *fiqh* yang muktabar, pengkaji dapat menyimpul bahawa wakaf ini adalah menahan sesuatu harta yang dimiliki daripada sebarang bentuk jual beli, hibah, atau pewarisan, dan menggugurkan hak milik harta tersebut daripada pewakaf untuk diberikan kepada golongan yang memerlukan, bertujuan tujuan untuk beribadah kepada Allah S.W.T.

### **Konsep Wakaf Ahli**

Wakaf ahli atau *al-waqf al-dzurri* merupakan gabungan daripada dua kalimah ialah wakaf dan ahli. Perkataan ahli di sini merujuk kepada sebuah institusi kekeluargaan seperti suami, isteri, ibu, ayah, anak, cucu, adik-beradik, dan kaum kerabat yang lain (Suhaimi, 2018). Perkataan ahli juga boleh didefinisikan sebagai salasilah nasab sesebuah keluarga (Abu Jaib, 1988; Ibrahim et al., 2004). Berdasarkan kepada definisi ini, pengkaji berpendapat maksud ahli ialah sebuah institusi kekeluargaan yang terbina dengan penasaban yang sah di sisi *shara*<sup>c</sup>.

Berdasarkan definisi wakaf yang telah dibincangkan sebelum ini, wakaf ahli ditakrifkan sebagai satu jenis wakaf yang diberikan oleh pewakaf kepada dirinya sendiri, atau individu tertentu, atau ahli keluarganya sebagai penerima wakaf (*al-mauquf 'alaih*) walaupun harta wakaf itu akan diserahkan kepada golongan awam yang memerlukan pada akhirnya (Al-Zuhaili, 1984). Nazih Hammad (2008) juga memberikan definisi wakaf ahli yang sama seperti yang dikemukakan. Berdasarkan daripada definisi ini, pengkaji mendapati bahawa wakaf ahli ini ialah wakaf yang diberikan oleh pewakaf khas untuk ahli keluarganya atau individu yang tertentu. Pengaplikasian wakaf ahli atau *al-waqf al-dzurri* ini telah diaplikasikan sejak dari zaman Rasulullah S.A.W melalui perbuatan para Sahabat R.A. Perbuatan ini ada direkodkan di dalam kitab *Ṣaḥīḥ Al-Bukhari* seperti berikut:

عن ابن عمر رضي الله عنهما، قال: ((أصاب عمر أرضا بخيبر، فأتى النبي صلى الله عليه وسلم يستأمره فيها، فقال: يا رسول الله إني أصبت أرضا بخيبر لم أصب مالا قط أنفس عندي منه، فما تأمرني به؟، قال: إن شئت حبست أصلها وتصدق بها. قال: فتصدق بما عمر أنه لا يباع أصلها ولا تورث ولا توهب، قال: فتصدق بما في الفقراء وفي القرى وفي الرقاب وفي سبيل الله وابن السبيل والضيف لا جناح على من وليها أن يأكل منها بالمعروف ويطعم صديقا غير متمول مالا.

Terjemahan: "Daripada Ibnu Umar R.A. dia berkata: Bahawa Umar R.A telah mendapat sebidang tanah di Khaibar, lalu beliau menghadap Nabi S.A.W untuk minta petunjuk dalam mengurusnya, Dia (Umar R.A) berkata: "Wahai Rasulullah sesungguhnya aku mendapat sebidang tanah di Khaibar, yang menurutku, aku belum pernah memperoleh tanah yang lebih baik daripadanya. Apakah yang hendak engkau perintahkan kepadaku dengannya?" Maka sabda Rasulullah S.A.W kepadanya yang bermaksud: "Jika engkau mahu wakafkanlah asetnya dan sedekahkanlah hasilnya." Maka Umar pun sedekahkan manfaatnya dengan syarat harta wakaf itu (*maukuf*) itu tidak boleh dijualbeli, tidak dihibahkan dan tidak diwariskan (*dipusakai*). Hasilnya disedekahkan kepada fakir miskin, kaum kerabat, para hamba sahaya, orang yang berada di jalan Allah, ibnu sabil dan tetamu. Dan tidak ada halangan bagi orang yang menguruskan tanah itu untuk mengambil upah sebahagian darinya dengan cara yang wajar dan memberi makan sahabat yang tidak berharta."

(Hadith. Al-Bukhāri. Kitab Al-Waṣāyā. Bab Al-Waqf Kaifa Yuktab. Jil 10: #2587)

Berdasarkan kepada hadith di atas, ia menunjukkan bahawa Saidina Umar R.A mewakafkan sebidang tanah miliknya kepada kaum kerabatnya, fakir miskin, dan golongan yang memerlukan setelah mendapat galakan daripada Rasulullah S.A.W.

Selain itu, terdapat juga sahabat Rasulullah S.A.W yang turut melakukan perkara yang sama seperti Saidina Umar R.A iaitu Saidina Abu Ṭalḥah R.A. Ianya juga direkodkan di dalam hadith seperti berikut:

{ عَنْ إِسْحَاقَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي طَلْحَةَ، أَنَّهُ سَمِعَ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . يَقُولُ كَانَ أَبُو طَلْحَةَ أَكْثَرَ الْأَنْصَارِ بِالْمَدِينَةِ مَالًا مِنْ نَخْلٍ، وَكَانَ أَحَبَّ أَمْوَالِهِ إِلَيْهِ بَيْرُحَاءَ وَكَانَتْ مُسْتَقْبَلَةَ الْمَسْجِدِ، وَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدْخُلُهَا قَامَ أَبُو طَلْحَةَ [لَنْ تَتَأَلَوْا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ] وَيَشْرَبُ مِنْ مَاءٍ فِيهَا طَيِّبٍ قَالَ أَنَسٌ فَلَمَّا أَنْزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ لَنْ تَتَأَلَوْا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا [إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ تَبَارَكَ وَتَعَالَى يَقُولُ وَإِنَّ أَحَبَّ أَمْوَالِي إِلَيَّ بَيْرُحَاءَ، وَإِنَّمَا صَدَقَ اللَّهُ أَرْجُو بِرَّهَا وَدُخْرَهَا عِنْدَ اللَّهِ، فَضَعَهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ حَيْثُ أَرَاكَ اللَّهُ. [تُحِبُّونَ قَالَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "بِحْ، ذَلِكَ مَالٌ رَابِحٌ، ذَلِكَ مَالٌ رَابِحٌ، وَقَدْ سَمِعْتُ مَا قُلْتَ وَإِنِّي أَرَى أَنْ تَجْعَلَهَا فِي الْأَقْرَبِينَ". فَقَالَ أَبُو طَلْحَةَ أَفْعَلُ يَا رَسُولَ اللَّهِ. فَفَسَمَّهَا أَبُو طَلْحَةَ فِي أَقَارِبِهِ وَبَنِي عَمِّهِ.

Terjemahan: "Daripada Ishāq bin 'Abdillah bin Abi Ṭalḥah, bahawa dia mendengar Anas bin Malik RA berkata: Abu Talhah adalah orang yang paling banyak hartanya dalam kalangan Ansar di Kota Madinah yang berupa kebun pohon kurma. Dan harta benda yang paling dicintainya adalah Bairuha' (nama telaga) yang menghadap ke masjid dan Rasulullah SAW sering memasuki kebun itu dan minum airnya yang sangat baik (lazat). Anas berkata: Ketika turunnya firman Allah S.W.T, [Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna), sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi] Abu Talhah pergi bertemu Rasulullah S.A.W lalu berkata, "Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah S.W.T berfirman, [Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna), sebelum kamu dermakan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi] Sesungguhnya antara harta-harta yang saya paling sayangi adalah kebun Bairuha'; Harta itu saya sedekahkan untuk Allah dan saya mengharap balasan kebaikan dan simpanan (pahala) di sisi Allah. Ya Rasulullah, silakan apa yang akan anda lakukan menurut petunjuk Allah kepadamu (terhadap kebun itu)" Maka Rasulullah S.A.W bersabda, "Bahkan, harta tersebut menguntungkan, harta tersebut menguntungkan, dan aku mendengar apa yang telah kamu perkatakan, justeru aku berpandangan jadikanlah ianya sedekah (wakaf) kerabat-kerabatmu" Maka Abu Talhah berkata, "Aku akan laksanakannya wahai Rasulullah." Lalu Abu Talhah membahagikannya untuk kerabatnya dan anak saudaranya."

(Hadith. Al-Bukhārī. Kitab Al-Zakāh. Bab Al-Zakāh 'ala Al-Aqārib. Jil 5: #1392)

Berdasarkan kepada hadith ini, Abu Ṭalḥah telah mewakafkan kebun kurmanya dan telaga Bairuha' untuk diberikan kepada ahli keluarganya dan kaum kerabatnya sebagai mana yang telah disarankan oleh Rasulullah S.A.W (Abbasi, 2012; Abu Zahrah, 1971; Al-Kubaisiy, 1977; Sabri, 2011). Berdasarkan kedua-dua hadith ini, para

ulama' bersepakat mengatakan bahawa *al-waqf al-dzurri* ini adalah disyariatkan dan dibenarkan untuk diaplikasikan oleh masyarakat Islam (Al-Nawawi, 2008; Al-Zuhaili, 1984).

### Konsep Wakaf Bertempoh

Wakaf bertempoh atau *al-waqf al-muaqqat* ini merupakan gabungan dua perkataan iaitu wakaf dan bertempoh. Perkataan bertempoh dalam Bahasa Arab dikenali sebagai *al-muaqqat* atau *al-ta'qit*. Perkataan *al-muaqqat* ini berasal daripada kalimah *aqqata* yang boleh didefinisikan sebagai satu perkara yang diletakkan tempoh waktu (Abu Jaib, 1988; Ibn Manzur, 2007). Al-Jurjani (1982) mendefinisikan *al-waqf* sebagai satu situasi yang menunjukkan keadaan semasa tanpa mengaitkan ia dengan masa lalu atau masa depan. Abd Al-Rauf (1990) juga merekodkan definisi yang sama dalam kitab *Al-Tauqif 'ala Muhima't Al-Ta'rif*. Kata terbitan (*maşdar*) bagi perkataan *al-muaqqat* ini ialah *al-ta'qit* dan mempunyai maksud yang sama dengan perkataan *al-tauqit*. Ibn Manzur (2007) mendefinisikan *al-ta'qit* dan *al-tauqit* sebagai meletakkan serta menyatakan had waktu yang tertentu ke atas satu pekerjaan, perbuatan, atau perkara. Sebagai contohnya, menyatakan satu tempoh waktu yang tertentu untuk melengkapkan sesuatu tugas atau pekerjaan. Berdasarkan kepada definisi ini, pengkaji mendapati bahawa maksud *al-ta'qit* sebagai sesuatu perkara yang terikat dengan tempoh waktu yang tertentu dengan menyatakan masa bermula dan tamat perkara tersebut.

Para fuqaha' tradisional dan moden tidak membincangkan definisi wakaf bertempoh secara spesifik dan tertumpu. Walaupun begitu, wakaf secara bertempoh ini ada disebutkan dalam takrifan wakaf oleh mazhab Maliki sebagaimana yang telah dinyatakan oleh pengkaji sebelum ini. Imam Ibn 'Abd Al-Salam menyatakan dalam takrifan wakaf bahawa pewakaf boleh menetapkan tempoh masa yang tertentu terhadap wakafnya. Maka, pengkaji mendapati bahawa mazhab Maliki membenarkan wakaf dilakukan sama ada secara kekal atau bertempoh. Qahf (2000) memberikan definisi wakaf menurut pendapatnya sebagai menahan sesuatu harta secara kekal dan bertempoh untuk dimanfaatkan harta atau hasilnya secara berulang kali untuk tujuan kebaikan sama ada secara khusus atau am.

Berdasarkan kepada takrif wakaf yang dikemukakan ini, Muhamad Firdaus (2017) telah membina satu takrif wakaf bertempoh yang komprehensif iaitu:

*"Satu bentuk wakaf yang membenarkan pewakaf untuk menetapkan sebarang syarat samada ianya bersifat bertempoh (ta`qit) atau menghadkan kepada keturunan tertentu pewakaf, dan syarat tersebut harus selari dengan dengan prinsip serta peruntukan perundangan yang telah diperuntukkan oleh Lembaga Wakaf Negeri, bertepatan dengan*

*hukum shara<sup>o</sup>, serta bertepatan dengan masalah pewakaf, penerima wakaf (mawquf alaihi) dan harta wakaf (mawquf)."*

Pengkaji mendapati bahawa pewakaf berhak untuk menetapkan tempoh pada wakafnya atau memberikan kepada ahli keluarga dan kaum kerabat yang tertentu tanpa menyalahi hukum syara<sup>o</sup> dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh Lembaga Wakaf Negeri, Baitulmal, atau Majlis Agama Islam Negeri. Pengkaji juga berpandangan bahawa takrif ini sesuai untuk diaplikasikan di Malaysia pada masa kini.

Pada pengaplikasian wakaf bertempoh, para fuqaha' telah terbahagi kepada dua pendapat (Al-Zuhaili, 1984; Muhamad Firdaus, 2017; Qahf, 2000). Pendapat pertama mengatakan bahawa wakaf hanya sah dilaksanakan secara berkekalan. Jika pewakaf mewakafkan hartanya dan mengikat ia dengan satu jangka masa yang tertentu, maka wakaf itu tidak sah. Hal ini adalah kerana para fuqaha' ini berpendapat bahawa syarat sah wakaf adalah kekal berpandukan daripada hadith yang menceritakan tentang wakaf Saidina <sup>o</sup>Umar Al-Khattab R.A tidak boleh dijual beli, diwarisi, dan dihibahkan. Ini adalah pendapat jumhur <sup>o</sup>ulama' iaitu mazhab Hanafi, Shafi'iy, dan Hanbali (Al-Haskafi, 2002; Al-Shirbini, 1997; Ibn Qudamah, 2005).

Pendapat kedua pula menyatakan bahawa wakaf adalah sah sama ada dilakukan secara berkekalan atau bertempoh. Jika pewakaf mewakafkan hartanya untuk satu tempoh yang tertentu untuk tujuan selain daripada masjid, maka wakafnya adalah sah. Fuqaha' yang berpegang pada pendapat ini mengatakan bahawa berkekalan bukanlah syarat sah wakaf (Ab Rahman & Amanullah, 2017; Al-Dardir, 2007). Hal ini adalah kerana Rasulullah S.AW memberi Saidina <sup>o</sup>Umar R.A untuk membuat sebarang pilihan dengan mengatakan "*jika engkau mahu*" seperti yang telah dikemukakan oleh pengkaji sebelum ini. Ini merupakan pendapat muktamad mazhab Maliki (<sup>o</sup>Alish, 1979; Al-Dusuki, 1934; Al-Kashnawi, 1986).

Berdasarkan kepada kedua-dua pendapat ini, pengkaji lebih cenderung kepada pendapat yang kedua, pendapat mazhab Maliki, iaitu membenarkan perlaksanaan wakaf sama ada secara kekal atau bertempoh. Hal ini adalah kerana keadaan dan keperluan pada masa kini berbeza jika dibandingkan dengan masa lalu. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa wakaf bertempoh adalah lebih fleksibel dan ia juga mampu untuk mengembangkan fungsi wakaf dengan lebih luas serta mampu untuk merealisasikan masalah wakaf.

### **Pengaplikasian Wakaf Ahli yang Sedia Ada di Malaysia**

Suhaimi (2018) menyatakan dalam kajiannya bahawa wakaf ahli yang terawal di Malaysia direkodkan ialah Wakaf Tengku Kaya Pahlawan di Kelantan dilaksanakan

pada tahun 1921. Berdasarkan daripada sumber, hasil daripada Wakaf Tengku Kaya Pahlawan ini dibahagi kepada 10 bahagian. Waqif mensyaratkan bahawa satu bahagian daripada hasil wakaf tersebut adalah untuk kebajikan awam dan sembilan bahagian lagi adalah untuk zuriat pewakaf. Wakaf tersebut masih lagi wujud sehingga hari ini di bawah seliaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Suhaimi, 2018).

Berdasarkan Senarai Dua, Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, segala perkara yang berkaitan dengan perundangan Islam termasuk wakaf adalah tertakluk di bawah bidang kuasa negeri. Hal ini bermaksud setiap negeri mempunyai peruntukan perundangan hal ehwal Islam yang tersendiri yang dikenali sebagai Enakmen atau Akta Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam. Bagi perkara yang berkaitan dengan wakaf, hanya beberapa negeri sahaja yang mempunyai peruntukan khas bagi wakaf yang dikenali sebagai Enakmen Wakaf Negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan Terengganu. Bagi negeri Johor pula perundangan khas bagi hal ehwal wakaf dikenali sebagai Kaedah-Kaedah Wakaf Johor 1983. Selain daripada negeri-negeri ini, pengurusan dan peruntukan perundangan bagi wakaf adalah berpandukan kepada Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri.

Setiap negeri menggunakan istilah yang berbeza apabila merujuk kepada wakaf ahli. Sebahagian negeri kekal menggunakan istilah "wakaf ahli" dan sebahagian negeri menggunakan istilah "wakaf kepada waris". Walaupun begitu, hanya beberapa negeri sahaja yang menyatakan definisi wakaf ahli atau wakaf kepada waris dalam perundangan mereka iaitu Perak, Selangor, Terengganu dan Johor. Majoriti negeri di Malaysia tidak menyatakan wakaf ahli secara khusus kerana mereka meletakkan wakaf ahli ini di dalam kategori wakaf khas. Takrifan wakaf ahli atau wakaf kepada waris bagi empat negeri yang dinyatakan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

No.	Enakmen	Kenyataan
1	Seksyen 31 (1), Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015.	Mana-mana orang yang berhasrat untuk berwakaf boleh mewakafkan harta kepada warisnya.
2	Seksyen 10 (2) (a), Enakmen Wakaf (Perak) 2015.	"wakaf <i>ahli</i> " atau "wakaf <i>zurri</i> " ertinya suatu wakaf yang ditentukan oleh <i>waqif</i> untuk keluarganya atau untuk seseorang atau lebih daripada seorang yang tertentu bagi tujuan kebajikan
3	Seksyen 35 (1) (a), Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016.	Mana-mana orang yang berhasrat untuk berwakaf boleh mewakafkan harta kepada warisnya.

4	Seksyen 2, Kaedah-Kaedah Wakaf Johor 1983.	"Wakaf Ahli" ertinya wakaf yang memberi manfaat kepada keturunan wakif atau keturunan maukuf alaih.
---	--	---

Berdasarkan takrifan di atas, pengkaji mendapati bahawa wakaf ahli boleh difahami sebagai wakaf yang dikhususkan oleh pewakaf untuk waris serta keturunannya, atau kaum kerabatnya, atau individu yang tertentu untuk tujuan kebaikan. Takrifan ini bertepatan dengan takrifan wakaf ahli di sisi para 'ulama' seperti yang dinyatakan oleh Al-Zuhaili (1997), Qahf (2000), dan Sabri (2011) di dalam karya mereka. Memandangkan majoriti negeri di Malaysia mengaplikasikan wakaf berpandukan kepada pendapat mazhab Shafi'iy, maka wakaf ahli juga diaplikasikan secara kekal kecuali di Johor seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 17, Kaedah-Kaedah Wakaf (Johor) 1983. Justeru, manfaat harta wakaf tersebut hanya disalurkan kepada ahli keluarga dan kaum kerabat pewakaf atau individu yang tertentu sahaja selama-lamanya.

### **Potensi Wakaf Ahli Bertempoh dalam Melestarikan Amalan Wakaf di Malaysia**

Meskipun wakaf ahli ini wujud di Malaysia di dalam perundangan dan rekod Majlis Agama Islam Negeri, namun pengaplikasiannya semakin dipinggirkan di masa kini. Hal ini adalah kerana Majlis Agama Islam Negeri menghadapi kesukaran dalam menguruskan harta wakaf ahli serta mengembangkan manfaatnya. Pengaplikasian wakaf ahli yang tidak produktif di Malaysia pada masa kini disebutkan oleh Mohsin (2010) dalam kajiannya apabila meletakkan Malaysia di dalam kategori negara yang tidak mengamalkan wakaf ahli. Suhaimi (2018) menegaskan dalam kajiannya bahawa wujud keperluan untuk membangunkan semula wakaf ahli di Malaysia serta semakan semula peruntukan perundangan wakaf bagi setiap negeri.

Berdasarkan pernyataan yang diberikan, pengkaji berpendapat bahawa amalan wakaf ahli dapat dibangunkan semula dengan menerapkan konsep wakaf bertempoh. Hal ini adalah kerana sifat wakaf bertempoh adalah lebih fleksibel untuk diaplikasikan pada masa kini berbanding wakaf secara kekal (Muhamad Firdaus & Amanullah, 2017). Seperti yang dinyatakan oleh pengkaji sebelum ini, pengamalan wakaf ahli di majoriti negeri di Malaysia kecuali Johor hanya sah dilakukan secara kekal. Maka, Majlis Agama Islam Negeri sebagai pemegang amanah (*mutawalli*) hanya boleh mengurus dan membangunkan harta wakaf tersebut mengikut apa yang telah ditetapkan oleh pewakaf di dalam akadnya. Sebagai contohnya, pewakaf mewakafkan ladang miliknya untuk ahli keluarganya serta keturunannya secara kekal, maka manfaat daripada ladang tersebut boleh diambil oleh ahli keluarganya serta keturunannya selama ladang tersebut membuahkan hasil. Jika ladang tersebut sudah tidak boleh mengeluarkan hasil atau tidak boleh dimanfaatkan lagi, maka ia akan jadi tanah wakaf yang terbiar dan tidak dibangunkan. Berdasarkan daripada

situasi ini, pengkaji berpendapat wakaf ahli bertempoh merupakan salah satu solusi terbaik dalam menghadapi masalah ini. Sebagai contohnya, pewakaf boleh mewakafkan ladangnya kepada ahli keluarganya untuk satu tempoh yang tertentu atau terhad kepada dua keturunan. Setelah tamat tempoh tersebut, pewakaf boleh memutuskan sama ada ladang tersebut ditukar menjadi wakaf khairi am. Maka dengan cara ini, Majlis Agama Islam Negeri boleh membangunkan harta tersebut kepada sesuatu yang lebih bermanfaat untuk kemaslahatan awam tanpa membiarkan harta tersebut terbengkalai tidak dimanfaatkan. Hal ini sekali gus dapat meluaskan manfaat harta wakaf tersebut kepada penerima wakaf yang lain.

Selain itu, wakaf ahli bertempoh dapat membuka peluang kepada pewakaf untuk membuat pilihan dalam membantu penerima wakaf dengan lebih meluas (Muhamad Firdaus & Adalam Enakmen Wakaf Negeri yang dinyatakan oleh pengkaji sebelum ini, dapat diketahui bahawa penerima wakaf (*al-mauquf 'alaih*) hanya terhad kepada ahli keluarga dan kaum kerabat, atau individu tertentu sahaja. Pada pandangan pengkaji, jika wakaf ahli hanya dilakukan secara berkekalan, maka harta wakaf yang berpotensi untuk berkembang hanya dapat dimanfaatkan oleh mereka yang disebutkan di dalam takrif wakaf sahaja secara berkekalan. Walaupun hal ini tidak menjadi satu kesalahan, tetapi peluang pewakaf untuk membantu lebih ramai golongan yang memerlukan akan terbatas kerana akad wakaf secara kekal (*muabbad*). Justeru, Qahf (1999) menyatakan dalam kajiannya bahawa wakaf ahli adalah digalakkan untuk dilakukan secara bertempoh agar manfaat harta wakaf yang berpotensi untuk berkembang dan membangun dapat juga disalurkan kepada golongan yang memerlukan tanpa mengabaikan ahli keluarga yang dalam kesusahan. Sebagai contohnya, pewakaf boleh mewakafkan hartanya kepada anak-anaknya sehingga sehingga mereka mencapai umur 21 tahun, kemudian  $\frac{3}{4}$  daripada harta tersebut akan diberikan kepada anak yatim dan golongan yang memerlukan manakala lebih  $\frac{1}{4}$  daripada harta tersebut boleh terus dimanfaatkan oleh anak-anak mereka. Dengan cara ini, pewakaf bukan sahaja dapat meluaskan lagi penerima manfaat daripada harta wakaf tersebut malah silaturahim diantara ahli keluarga juga turut terjaga.

Seterusnya, wakaf ahli bertempoh juga merupakan salah satu strategi untuk menghidupkan serta menggalakkan semula amalan wakaf ahli di Malaysia di samping meningkatkan produktiviti harta wakaf tersebut. Mohsin (2010) menyatakan dalam kajiannya bahawa kebanyakan negara sudah mengambil keputusan untuk tidak mengamalkan lagi wakaf ahli di Malaysia. Suhaimi (2018) turut menegaskan dalam kajiannya bahawa pengamalan wakaf ahli di Malaysia perlu diperbaharui dan dibangunkan semula. Pengkaji berpandangan bahawa pengaplikasian wakaf ahli bertempoh adalah salah satu cara untuk menghidupkan semula amalan wakaf ahli di Malaysia ini. Asiah (2018) dan Qahf (1999) menyatakan dalam kajiannya bahawa salah satu cara untuk menghidupkan serta mengekalkan amalan wakaf ahli padamasa akan

datang adalah dengan melakukan wakaf ahli secara bertempoh. Hal ini disokong dan dipersetujui oleh Muhamad Firdaus dan Amanullah (2017) bahawa wakaf ahli bertempoh mempunyai banyak kelebihan untuk diaplikasikan di Malaysia agar kemaslahatan wakaf secara umum dijaga. Asiah (2018) menyatakan dalam kajiannya bahawa melaksanakan wakaf ahli untuk satu tempoh yang tertentu, dan menjadikan ia wakaf mustarak setelah tamat tempoh tersebut merupakan satu langkah yang terbaik dalam menjaga keberlangsungan amalan wakaf ahli dan produktiviti harta wakaf tersebut. Walau bagaimanapun, Mohsin (2010) menegaskan bahawa dalam usaha untuk membangunkan wakaf ahli dan menjadikannya lebih fleksibel, Majlis Agama Islam Negeri perlu memantau tindakan dan syarat yang diletakkan oleh pewakaf terhadap penerima wakaf serta harta tersebut agar selari dengan tuntutan syarak dan tidak tersimpang daripada matlamat asal wakaf. Justeru, pengkaji ingin menekankan bahawa wakaf ahli secara bertempoh adalah salah satu usaha untuk menggalakkan amalan wakaf ahli serta meningkatkan produktiviti harta wakaf tersebut di masa akan datang.

### **Cabaran Perlaksanaan Wakaf Ahli Bertempoh di Malaysia**

Pengkaji telah berbincang tentang potensi wakaf ahli bertempoh dalam melestarikan amalan wakaf di Malaysia. Jelas dinyatakan bahawa wakaf ahli secara bertempoh mempunyai manfaat yang tiada pada wakaf ahli secara kekal jika diaplikasikan pada masa kini. Walau bagaimanapun, pengaplikasian wakaf ahli bertempoh ini merupakan sesuatu yang baharu di Malaysia ia tidak diaplikasikan secara meluas lagi. Justeru, Majlis Agama Islam Negeri serta institusi wakaf di Malaysia ini perlu menghadapi beberapa cabaran dalam melaksanakan wakaf ahli bertempoh ini.

Memandangkan pengurusan wakaf ahli adalah terletak di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri, maka ianya tertakluk kepada Enakmen/Akta Pentadbiran Agama Islam Negeri, Enakmen Wakaf Negeri, dan juga fatwa-fatwa yang diputuskan oleh Jabatan Mufti Negeri (Rohayu & Rosli, 2014). Setiap negeri di Malaysia berpandukan kepada mazhab Shafi'iy dalam perundangan Islam termasuk wakaf. Maka wakaf hanya sah jika diaplikasikan secara kekal mengikut pendapat muktamad mazhab Shafi'iy. Oleh itu, majoriti mufti-mufti di Malaysia hanya mengharuskan wakaf secara kekal kecuali mufti negeri Johor (Muhamad Firdaus & Amanullah, 2016). Sebagai contohnya, Wakaf Tengku Kaya Pahalawan di Kelantan seperti yang dinyatakan oleh Suhaimi (2018). Berdasarkan daripada rekod yang di simpan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan ini, pengkaji mendapati bahawa wakaf ahli di Kelantan hanya sah dilakukan secara kekal.

Walaupun terdapat beberapa negeri selain dari negeri Johor yang membenarkan pengaplikasian wakaf bertempoh seperti Sarawak, Terengganu, dan Wilayah Persekutuan, namun ianya tidak tertumpu kepada wakaf ahli, seperti berikut:

No	Enakmen/Akta	Kenyataan
1	Seksyen 17 Kaedah-Kaedah Wakaf (Johor) 1983.	"Wakaf masjid dan wakaf kerana masjid adalah muabbad dan wakaf yang lain daripada masjid dan kerana masjid dan wakaf yang lain daripada wakaf ahli harus muabbad dan harus muaqqat dan sekiranya diitlakkan maka wakaf itu menjadi muabbad ataupun wakaf ahli adalah muaqqat yang tidak lebih masanya dari 60 tahun dari tarikh mati waqif atau dua keturunan tidak termasuk waqif."
2	Seksyen 2 Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001.	'Wakaf khas' ertinya wakaf yang berkekalan, atau bagi suatu tempoh yang tertentu, atas harta modal bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Undang-Undang Islam dan harta yang diwakafkan sedemikian, yang manfaat dan faedah daripadanya diberikan kepada orang-orang tertentu atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam wakaf itu.
3	Seksyen 18 (1) Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016.	"Seseorang waqif boleh mewujudkan suatu wakaf irsod, wakaf muabbad, wakaf muaqqat, wakaf musya <sup>c</sup> , atau wakaf musytarak ke atas mana-mana atau keseluruhan hartanya."
4	Seksyen 2 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.	'Wakaf khas' ertinya wakaf yang berkekalan atau bagi suatu tempoh terhad atas modal harta bgai maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Hukum Syarak, dan harta yang diwakafkan sedemikian, yang berpendapatan daripadanya diberikan kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam wakaf itu.

Berdasarkan daripada jadual di atas, pengkaji mendapati bahawa negeri Johor menyatakan bahawa wakaf ahli adalah dibenarkan untuk dilakukan secara bertempoh seperti yang tertera. Manakala negeri Sarawak dan Wilayah Persekutuan, wakaf bertempoh hanya dinyatakan untuk wakaf khas dan tidak dinyatakan secara spesifik kaedah perlaksanaannya. Walaupun kebanyakan negeri meletakkan wakaf ahli dalam kategori wakaf khas, Suhaimi (2018) menyarankan agar setiap negeri perlu menyatakan perihal wakaf ahli secara jelas di dalam perundangan mereka bagi mengelakkan salah faham di kalangan pewakaf dan penerima wakaf.

Walaupun secara jelas dalam Enakmen/Akta Pentadbiran Agama Islam Negeri menyatakan bahawa Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri hendaklah berfatwa berdasarkan pendapat muktamad mazhab Shafi'iy, majoriti negeri di Malaysia mengamalkan pengaplikasian wakaf tunai dan istibdal wakaf (Muhamad Firdaus &

Amanullah, 2016). Menurut pendapat mazhab Shafi'iy wakaf tunai dan istibdal wakaf adalah tidak sah kerana harta wakaf hendak bersifat kekal dan ianya tidak boleh ditukar ganti kerana telah berpindah pemilikan menjadi milik Allah S.W.T (Al-Maiman, 2009; Al-Zuhaili, 1984). Walau bagaimanapun, Afiffudin dan Mohd (2013) menyatakan bahawa istibdal wakaf adalah dibenarkan berdasarkan kepada keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia kali ke-4 pada tahun 1982. Begitu juga dengan pengaplikasian wakaf tunai yang telah dibenarkan berdasarkan kepada Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan kali ke-77 pada tahun 2007 (Ainul Hakim, et. al, 2020). Hal ini adalah kerana sistem wakaf dapat merealisasikan banyak kemaslahatan awam di samping membangunkan dan mengembangkan manfaat wakaf.

Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa wakaf ahli bertempoh ini tidak dinyatakan secara jelas dalam Enakmen/Akta Pentadbiran Agama Islam Negeri dan Enakmen Wakaf Negeri kecuali dalam Kaedah-Kaedah Wakaf (Johor) 1983. Walaupun begitu, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa produk wakaf bertempoh seperti wakaf tunai boleh dilaksanakan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa wakaf bertempoh ini mampu memberi impak yang positif kepada pembangunan wakaf khususnya kepada wakaf ahli di Malaysia ini. Justeru, pengkaji ingin mencadangkan kepada penggubal undang-undang di Majlis Agama Islam Negeri serta Jabatan Mufti Negeri untuk membuat kajian semula tentang kelebihan wakaf ahli bertempoh demi keberlangsungan wakaf ahli di Malaysia.

## **PENUTUP**

Berdasarkan kepada perbincangan yang dikemukakan dalam kajian ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pengaplikasian wakaf ahli di Malaysia masih boleh diselamatkan dan dihidupkan semula dengan mengaplikasikannya secara bertempoh. Pengaplikasian wakaf ahli secara bertempoh bukan sahaja boleh menghidupkan kembali amalan wakaf ahli bahkan ia juga mampu untuk melestarikan amalan wakaf di Malaysia padamasa akan datang. Walaupun, amalan wakaf di Malaysia adalah berdasarkan kepada pendapat mazhab Shafi'iy, ia bukanlah penghalang untuk menerapkan konsep wakaf bertempoh dalam wakaf ahli seperti yang dilakukan di negeri Johor. Hal ini adalah kerana pengaplikasian wakaf bertempoh ini adalah selari dengan pendapat muktamad mazhab Maliki serta beberapa cendekiawan Islam kontemporari. Di samping itu, Enakmen/Akta Pentadbiran Agama Islam Negeri juga ada memperuntukkan bahawa sesuatu hukum itu boleh berpindah kepada pendapat mazhab Hanafi, Maliki, atau Hanbali jika ianya membawa kemaslahatan kepada masyarakat umum. Pengkaji juga mendapati bahawa wakaf ahli secara bertempoh ini berpotensi untuk melestarikan amalan wakaf di Malaysia. Hal ini adalah kerana sifat wakaf ahli bertempoh adalah lebih fleksibel untuk diaplikasikan di Malaysia pada masa kini berbanding wakaf secara kekal. Wakaf ahli bertempoh juga dapat membuka peluang kepada pewakaf untuk

membuat pilihan dalam membantu penerima wakaf dengan lebih meluas. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa wakaf ahli secara bertempoh ini merupakan salah satu strategi untuk menghidupkan serta menggalakkan semula amalan wakaf ahli di Malaysia di samping meningkatkan produktiviti harta wakaf tersebut padamasa akan datang.

Justeru, pengkaji berharap agar Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Mufti Negeri, dan institusi wakaf di Malaysia bekerjasama untuk menyemak semula kerangka undang-undang wakaf di Malaysia khususnya wakaf ahli serta mengkaji semula potensi pengaplikasian wakaf bertempoh di Malaysia. Pengkaji juga menyarankan agar Majlis Agama Islam Negeri mewujudkan satu garis panduan berkenaan pengaplikasian wakaf bertempoh khususnya untuk wakaf ahli sebagai rujukan dan prospek kepada pembangunan wakaf di Malaysia untuk masa akan datang.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana telah menaja penuh kajian ini melalui projek Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), kod rujukan [USIM/FRGS/FSU/055002/50919], yang bertajuk: "*Pembinaan Model Komprehensif Wakaf Bertempoh Bagi Kelestarian Pengurusan Wakaf di Malaysia*". Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Fakulti Syariah dan Undang-Undang, dan Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia atas kerjasama dalam menyempurnakan kajian ini.

## RUJUKAN

### Buku

- °Alish, M. bin A. bin M. (1979). *Manḥu Al-Jalīl Sharḥ °alā Mukhtaṣar Al-°Allamah Sayyid Khalīl*. Dar Al-Fikr.
- Abd Al-Rauf, A. A.-R. bin A.-M. (1990). *Al-Tauqīf °alā Muhimat Al-Ta°riḥ*. Qaherah: Alam Al-Kutub.
- Abu Jaib, S. (1988). *al-Qāmūs al-Fiqhī*. Damascus: Dar Al-Fikr.
- Abu Zahrah, A.-I. M. (1971). *Muḥādarāt fi Al-Waqf*. Damascus: Dar Al-Fikr Al-Arabiy.
- Al-Baghawi, A.-I. A. M. A.-H. bin M. bin M. bin A.-F. (1998). *Al-Tadzhīb fi Fiqh Al-Imam Al-Shāfi°iy* (First). Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Dardir, A. A.-B. A. bin M. bin A. (2007). *Sharḥ Al-°aḡhīr °alā Aqrabi Al-Masalik*. Cairo: Dar Al-Ma'arif.
- Al-Dusuki, S. A.-D. S. M. (1934). *Ḥashiah Al-Dusuki °alā Sharḥ Al-Kabir*. Qaherah: Dar Ibn Al-Jauzi.
- Al-Haskafi, M. bin A. bin M. bin A. bin A. R. A.-H. (2002). *Al-Durr Al-Mukhtār Sharḥ Al-Tanwīr Al-Abṣār wa Jamī° Al-Baḥr* (First). Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.

- Al-Jurjani, A. A. bin M. A.-S. A.-S. (1982). *Muʿjam Al-Taʿrifāt*. Qaherah: Dar Al-Fadhilah.
- Al-Kashnawi, A. B. bin H. bin A. (1986). *Ashal Al-Madārik Sharḥ Irshād Al-Sālik fi Fiqh Imam Aʿimmah Mālik*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Kubaisiy, M. ʿUbaid A. (1977). *Aḥkāim Al-Waqf fi Al-Sharīʿah Al-Islāmiyyah*. Baghdad: Wizarah Al-Awqaf Ihyaʿ Al-Turath Al-Islamiy, Matbaʿah Al-Irshad.
- Al-Maiman, N. bin ʿAbdullah. (2009). *Al-Nawāzil Al-Waqfiyah*. Qaherah: Dar Ibn Al-Jauzi.
- Al-Mardawi, A. A.-D. A. H. A. bin S. (1955). *Al-Inṣaf* (First). Cairo: Matbaʿah Al-Sunnah Al-Muhammadiyah.
- Al-Nawawi, A. Z. M. A.-D. bin S. (2008). *Al-Majmuʿ Sharḥ Al-Muhadzzab li Al-Shirazi*. Jeddah: Maktabah Al-Irshad.
- Al-Shirbini, S. A.-D. M. bin A. A.-K. (2019). *Al-Iqnāʿ fi Ḥalli Alfaz Abī Shujāʿ*. Qaherah: Maktabah Al-Tawfiqiyyah.
- Al-Shirbini, S. M. bin A.-K. (1997). *Mughni Al-Muḥtaḥ ila Maʿrifah Maʿani Alfaz Al-Minhaḥ*. Retrieved from <https://ia802902.us.archive.org/30/items/WAQ44502/mmmmmam2.pdf>
- Al-Zuhaili, D. W. (1984). *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuh* (Second). Damascus: Dar Al-Fikr.
- Al-Zuhaili, D. W. (1997). *Ruʿyah Ijtihādiyyah fi Al-Masaʿil Al-Fiqhiyyah Al-Muʿāsirah lil Waqf* (First). Damascus: Dar Al-Maktabi.
- Ibn Manzur, A.-A. A. A.-F. J. A.-D. M. bin M. (2007). *Lisān Al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Qudamah, A. A.-R. bin A. U. M. bin A. A.-M. (2005). *Al-Mughni wa yalihi Al-Sharḥ Al-Kabir*. Egypt: Dar Al-Kitab Al-Arabiyy.
- Ibrahim, A., Muntasir, A. H., Atiyyah, A.-S., & Muhammad, K. A. (2004). *Al-Muʿjam Al-Waṣiṭ*. Majmaʿ al-Lughah al-Arabiyyah.
- Muhamad Firdaus, A. R. (2017). *Tajārib Al-Waqf Al-Muaqqat wa Imkaniyyah Tafʿiliha fi Maliziya: Dirasah Taʿsiliyyah Fiqhiyyah*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Nazih Hammad. (2008). *Muʿjam al-Muṣṭalahaṭ al-Iqtisādiyyah fi Lughah al-Fuqahaʿ* (First). Damascus: Dar Al-Qalam.
- Qahf, M. (2000). Al-Waqf Al-Islami: Taṭawwuruḥu, Idaratuhu, Tanmiyyatuhu. In *Dar Al-Fikr*. Damascus: Dar Al-Fikr.
- Sabri, D. I. S. (2011). Al-Waqf Al-Islāmiy baina Al-Naẓariyyah wa Al-Taṭbīq. In *دار النفايس للنشر والتوزيع - الاردن* (Second). Jordan: Dar Al-Nafais.
- Saldana, J. (2011). Fundamentals of Qualitative Research. In N. Beretvas (Ed.), *Oxford University Press*. New York: Oxford University Press, Inc.
- Taylor, S. J., Bogdan, R., & DeVault, M. L. (2016). Introduction to Qualitative Research Method. In *WILEY* (4th ed.). New Jersey: John Wiley & Sons.

### Artikel Jurnal

- Ab Rahman, M. F., & Amanullah, M. (2017). The nature of temporary waqf, its ruling and public interest. *Global Journal Al-Thaqafah*. <https://doi.org/10.7187/gjat122017->

11

- Abbasi, M. Z. (2012). The classical Islamic law of Waqf: A concise introduction. *Arab Law Quarterly*, 26(2), 121–153. <https://doi.org/10.1163/157302512X629124>
- Afiffudin, M. N., & Mohd, R. A. (2013). Pelaksanaan Istibdal Wakaf di Negeri Kedah Darul Aman. *Islamiyyat*, 35(1), 49–56.
- Ainul Hakim, M. K., Muhamad Firdaus, A. R., Hussein Azeemi, A. T., & Azman, A. R. (2020). Memperkukuhkan Institusi Wakaf di Malaysia Melalui Wakaf Bertempoh. *International Conference of the Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law 2020.*, 183–199. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Asiah, N. A. M. (2018). A Study On The Socio-Economic Roles Of Waqf Ahli ( Family Waqf ) In Promoting Family Security And A Sustainable Family Economy. *IIUM Law Journal*, 26(1), 141–161.
- Batista, J. de O., Mocrosky, L. F., & Mondini, F. (2019). Why speak about hermeneutics? *Acta Scientiae*, 21(4), 49–62. <https://doi.org/10.17648/acta.scientiae.v21iss4id3864>
- Gerbaudo, P. (2016). From Data Analytics to Data Hermeneutics: Online Political Discussions, Digital Methods and the Continuing Relevance of Interpretive Approaches. *Digital Culture & Society*, 2(2), 95–112. <https://doi.org/10.14361/dcs-2016-0207>
- Hutchinson, T., & Duncan, N. (2012). Defining and describing what do we do: Doctrinal legal research. *Deakin Law Review*, 17 (1), 83–120.
- Lac, A. (2016). Content Analysis. *Encyclopedia of Adolescence*, 2(2016), 1–5. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-32132-5>
- Mohsin, M. I. A. (2010). Revitalization of Waqf Administration & Family Waqf Law. *US-China Law Review*, 7(6), 10.
- Muhamad Firdaus, A. R., & Amanullah, M. (2016). Ta'bīd al-waqf wa ta'qītuḥu fī wilāyāt mukhtārah fī Malaysia. *Studia Islamika*, 23(3), 561–603. <https://doi.org/10.15408/sdi.v23i3.3592>
- Muhamad Firdaus, A. R., & Amanullah, M. (2017). The Nature of Temporary Waqf, its Ruling and Public Interest. *Global Journal Al-Thaqafah*, 7(2), 175–1187. <https://doi.org/10.7187/gjat122017-11>
- Neely, A., & Ponshumugam, A. (2019). A qualitative approach to examining health care access in rural South Africa. *Social Science and Medicine*, 230, 214–221.
- Paterson, M., & Higgs, J. (2005). Using Hermeneutics as a Qualitative Research Approach in Professional Practice. *The Qualitative Report*, 10(2), 339–357.
- Qahf, M. (1999). Towards the Revival of Awqaf: A Few Fiqhi Issues to Reconsider. *Harvard Forum on Islamic Finance and Economics*, 1–16.
- Rohayu, A. M., & Rosli, S. (2014). Permasalahan Pengurusan Hartanah Wakaf Di Malaysia. *International Surveying Research Journal*, 4, 29–43.
- Suhaimi, F. M. (2018). Wakaf Ahli: Peruntukan Undang-Undang dan Perlaksanaannya di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 8(1), 73–81.

**Akta**

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015.

Enakmen Wakaf (Perak) 2015.

Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016.

Kaedah-Kaedah Wakaf Johor 1983.

Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001.